



salam@uitm



ISO 9001:200 No. Sijil KLR 0404089

Bil. 03 Julai - Sept 2017
<http://www.uitm.edu.my>

Buletin UiTM berwajah baharu !

UiTM *di hatiku*



Fiesta **Raya** Canseleri



12 Julai 2017- Bertemakan 'Beraya di Kampung', Fiesta Raya Canseleri 2017, merupakan acara yang julung kali diadakan bagi warga Canseleri khususnya, untuk berhimpun meraikan bulan Syawal di samping mengeratkan lagi silaturrahim. Melalui majlis ini seramai 286 orang warga Canseleri dapat berkumpul dan beramah mesra bagi mengukuhkan lagi ukhuwah yang telah terjalin.

Bertempat di Dataran Tuanku Fauziah, warga Canseleri yang terdiri daripada Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat, Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat Alumni dan keusahawanan serta Pejabat Penasihat Undang-undang telah memeriahkan majlis dengan membawa pelbagai menu yang menyelerakan. Turut menyumbangkan juadah ialah Hotel UiTM dan Intekma Resort. Setiap bahagian telah menghiaskan booth masing-masing mengikut tema dengan penuh kreatif dan indah sekali.

Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan kerjasama untuk menjayakan Fiesta Raya Canseleri 2017.



Konsep, Rekabentuk & Terbitan
Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor